



www.ptptn.gov.my

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
Tingkat Bawah, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03 - 2193 3000
Aduan Online: icare.ptptn.gov.my

Hubungi saya untuk pertanyaan/rundingan:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) @twrptptn Instagram

*Maklumat tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh PTPTN
*Tarikh dikemas kini: Ogos 2016

Saluran Simpanan SSPN-i | Bagaimana jika saya ingin mengeluarkan/menutup akaun? | Di manakah saya boleh menyemak jumlah simpanan saya?

Saluran Simpanan SSPN-i

Bil.	Agensi/Ejen	Kaunter	Perbankan Internet	e-SSPN-i (Portal PTPTN)	Debit Terus	Arahan Tetap (Standing Instruction)	Phone Banking	ATM / CDM
1		✓		✓				
2		✓	✓	✓		✓	✓	✓
3		✓		✓				
4		✓			✓			
5		✓						
6		✓						
7		✓	✓	✓				
8		✓	✓			✓		✓

Bagaimana jika saya ingin mengeluarkan/menutup akaun?

Pendeposit yang ingin membuat pengeluaran/penutupan akaun hendaklah mengisi Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun.

Di manakah saya boleh menyemak jumlah simpanan saya?

- Secara atas talian (online) melalui e-SSPN-i* di Portal Rasmi PTPTN.
- Careline: 03-2193 3000
- Kaunter PTPTN.
- Kaunter Maybank, Bank Islam, Agrobank, Bank Rakyat dan RHB Bank.

*Penyata pelepasan taksiran cukai boleh disemak dan dicetak melalui e-SSPN-i



Menabunglah

Dengan SSPN-i

Mulakan penabungan hari ini untuk Jaminan Kecemerlangan Pendidikan



www.ptptn.gov.my

Pengenalan

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan produk simpanan patuh syariah untuk perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi yang menggunakan konsep "Wakalah Bil Istithmar".

Apakah syarat-syarat pembukaan akaun?

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia sahaja.

Pendeposit

Berumur 18 tahun dan ke atas.

Penerima Manfaat

Berumur 1 hari sehingga sebelum mencapai 29 tahun.

Penerima manfaat yang telah mencapai umur 18 tahun boleh memilih untuk membuka akaun bagi diri sendiri.

Bagaimana untuk membuka akaun?

Pembukaan akaun SSPN-i boleh dibuat melalui:

- Kaunter PTPTN.
- Kaunter ejen SSPN-i

Hanya Borang Pembukaan Akaun SSPN-i diperlukan.

Pelanggan digalakkan berurusan di cawangan PTPTN atau di kaunter Maybank, Bank Islam, Agrobank, Bank Rakyat dan RHB Bank bagi mempercepat proses pembukaan akaun.



* Bagi pembukaan akaun untuk anak angkat di bawah jagaan yang sah, Surat Akaun Berkasus/Saji Anak Angkat hendaklah disertakan bagi memelihara keistimewaan pelepasan taksiran cukai dan Geran Sepadan.

Apakah keistimewaan SSPN-i ?

- I** Pelepasan taksiran cukai pendapatan hingga RM6,000 setahun berdasarkan simpanan bersih tahun semasa.
- II** Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas.
- III** Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan cukai pendapatan.
- IV** Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak.
- V** Simpanan dijamin oleh kerajaan.
- VI** Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.

* Tertakluk kepada terma dan syarat



Pelepasan Taksiran Cukai

Ibu bapa dan ibu bapa angkat/penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak layak diberi pelepasan taksiran cukai sehingga maksimum RM6,000 setahun tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa.

Kategori Kelayakan

- Taksiran Berasingan:** Pelepasan taksiran cukai sehingga maksimum RM6,000 SEORANG setahun.
- Taksiran Bersama:** Pelepasan taksiran cukai sehingga maksimum RM6,000 setahun.

Individu yang menyimpan untuk diri sendiri TIDAK diberi pelepasan taksiran cukai.

Perlindungan Takaful

Pendeposit yang berumur 18 tahun sehingga mencapai 65 tahun dan mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas layak mendapat perlindungan takaful percuma:

- Kematian/Keilatan Kekal Menyeluruh Pendeposit:** Manfaat bagi kematian/keilatan kekal menyeluruh Ringgit ke Ringgit dan khairat kematian sebanyak RM2,000.
- Kematian Penerima Manfaat:** Khairat kematian sebanyak RM500.



* Tertakluk kepada terma dan syarat

Geran Sepadan

Geran Sepadan ialah insentif kewangan yang ditawarkan kepada pendeposit (ibu bapa atau penjaga yang sah dari segi undang-undang) apabila anak-anak (penerima manfaat) berjaya melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi.

Pendeposit yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000 sebulan layak dipertimbangkan pemberian Geran Sepadan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen yang lengkap.



Kunjungi lebih 3,000 cawangan ejen SSPN-i di seluruh negara



Di manakah penambahan simpanan boleh dibuat?

- I** Potongan gaji: Permohonan potongan gaji secara online di Portal Rasmi PTPTN.
- II** e-SSPN-i: Kemudahan simpanan melalui Portal Rasmi PTPTN.
- III** MyPayPTPTN: Kemudahan simpanan secara online melalui telefon pintar menggunakan web apps. Layari www.mygovmobile.malaysia.gov.my/mypay/plptn
- IV** Kaunter PTPTN (tunai, kad debit/kad ATM)
- V** Ejen SSPN-i: Kemudahan simpanan melalui bank-bank terpilih



* Peringatan: PTPTN tidak melantik orang perseorangan/individu sebagai ejen PTPTN bagi tujuan memungut deposit selain daripada kakitangan PTPTN.

Pengenalan | Apakah syarat-syarat pembukaan akaun? | Bagaimana untuk membuka akaun? | Apakah keistimewaan SSPN-i? | Pelepasan Taksiran Cukai | Perlindungan Takaful | Geran Sepadan | Di manakah penambahan simpanan boleh dibuat?